

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YANG BERTHORMAT DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 23 MEI 2016
SOALAN :

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) sama ada beliau berpuas hati 100% dengan laporan 1MDB oleh jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dan sama ada beliau bersedia untuk mengelaskan semula sebagai bukan rahsia Laporan Akhir Pengauditan 1MDB yang dibentangkan kepada PAC sebagai dokumen rahsia mengikut Akta Rahsia Rasmi 1972; dan
- (b) sama ada beliau sekarang bersedia menjawab secara peribadi semua soalan berhubung 1MDB di dalam satu sesi khas di Parlimen dan sama ada beliau sekarang bersedia berdepan media Malaysia dan antarabangsa di dalam suatu sidang soal jawab khas untuk menjawab segala pertanyaan dan keraguan berhubung 1MDB berdasarkan penemuan oleh PAC dan Ketua Audit Negara.

**JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Jabatan Audit Negara (JAN) diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 bagi memastikan tidak ada kebocoran maklumat semasa PAC menjalankan prosiding terhadap isu ini. Laporan Pengauditan 1MDB yang dijalankan Jabatan Audit Negara hanya dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) selaras dengan keputusan Kabinet pada 4 Mac 2016 yang mengarahkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat 1MDB dan hasilnya dibentangkan kepada PAC. Justeru itu, Laporan Pengauditan terhadap 1MDB adalah khusus untuk PAC yang mana keanggotaannya termasuk Ahli Parlimen daripada pihak pembangkang. PAC juga telah menggunakan Laporan Pengauditan 1MDB sebagai rujukan dalam menyediakan Laporan PAC berhubung Kawalan Pengurusan Tadbir Urus Syarikat 1MDB dan laporan tersebut juga telah dipersetujui oleh ahli-ahlinya sebelum ia dibentangkan ke Dewan Rakyat pada 7 April 2016.
- (b) PAC yang merupakan sebuah Jawatankuasa bipartisan yang ditubuhkan mengikut Peraturan 77(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah menjalankan siasatan secara telus dan berkecuali. Hasil siasatan PAC tersebut telah dibentangkan kepada Dewan Rakyat. Laporan tersebut itu juga boleh diakses di laman web rasmi Parlimen Malaysia oleh orang awam termasuk media.

Sekian, terima kasih.